

**UTM CIPTA  
ALAT BUNYI**  
BANTU PROSES  
PEMBELAJARAN

● NASIONAL 5

# MISTERI KUMPULAN BERPAKAIAN TENTERA



Seramai 18 lelaki termasuk seorang warga Singapura ditahan ketika menjalani 'latihan perang' dalam kebun kelapa sawit di Jementah, Segamat. ● NASIONAL 9

# BH Berita Harian

MERENTAS GENERASI

[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

**EKSKLUSIF**

# TASKA wajib

**KES KEHILANGAN  
PEGAWAI TADBIR**

**Isteri hairan**  
bagaimana  
suami lomas

# UTM cipta peralatan bunyi tingkat proses pembelajaran

» *Gabungan bunyi alam sekitar lentur gelombang otak, minda ideal*

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

► Johor Bahru

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengorak langkah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) apabila berjaya mencipta peralatan bantuan bagi meningkatkan lagi proses pembelajaran.

Teknologi Minda Pintar hasil kerjasama UTM dengan MinDec Research Sdn Bhd (MINDEC) menggunakan teknik bunyi-bunyian bagi 'melentur gelombang otak' serta menggabungkan minda sedar dan separa sedar supaya dapat belajar dengan tenang dan mencetuskan 'fungsi serentak seluruh otak'.

Ketua Penyelidik Teknologi Minda Pintar, Prof Dr -Ing Eko Suprianto, berkata teknik konvensional selama ini membabitkan hafalan, konsentrasi dan disiplin diri yang tinggi dibuktikan sains sebagai tidak menggunakan keseluruhan kapasiti semula jadi minda.

"Teknologi Minda Pintar memuatkan dua set audio yang dinamakan sebagai 'Alpha dan Theta' yang menampilkan bunyian daripada alam sekitar dengan peranan, berbeza dalam membentuk aktiviti otak serta mencetuskan keadaan



(Dari kanan) -Ing Eko, Sheikh Mohamad dan Hamdan menunjukkan peralatan Teknologi Minda Pintar di Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan UTM, Skudai.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]

minda yang ideal untuk belajar.

## Kajian sudah dipraktikkan

"Hasil kajian lapan tahun ini sudah dipraktikkan kepada 25 pelajar sekolah dan universiti mendapati tahap pembelajaran mereka meningkat selepas dapat mengikuti setiap yang dipelajari dengan lebih baik," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas memperkenalkan peralatan bantuan pembelajaran itu, di Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan UTM, di sini semalam. Hadir sama, Pengasas MINDEC, Sheikh Mohamad dan Ketua Pegawai Perniagaannya, Hamdan Ismail.

Dr -Ing Eko berkata, walau-

pun teknologi bunyian melentur gelombang otak sudah lama dipelopori negara Barat, Teknologi Minda Pintar adalah yang pertama di dunia dalam konteks formulasi teknik belajar yang sistematik serta kemampuannya meningkatkan kapasiti minda.

“Anda akan mendengar satu bunyi yang mendamaikan dan bunyi itulah sebenarnya formula yang meningkatkan kapasiti otak kita”

-Ing Eko Suprianto,  
Ketua Penyelidik Teknologi Minda Pintar

"Menerusi teknik konvensional, pelajar mudah menghadapi tekanan dan keletihan daripada aktiviti persekolahan yang sibuk, namun semua ini dapat diatasi dengan teknik pelenturan gelombang otak menggunakan Teknologi Minda Pintar.

## Bunyi mendamaikan

"Cara penggunaannya juga mudah iaitu dengan memakai fon kepala Teknologi Minda Pintar ketika sedang mengikuti pelajaran, sama ada di rumah atau di sekolah. Anda akan mendengar satu bunyi yang mendamaikan dan bunyi itulah sebenarnya formula yang meningkatkan kapasiti otak kita," katanya.

Sementara itu, Sheikh berkata, setakat ini pihaknya sudah menjual 2,000 peralatan bantuan itu dengan setiap satu berharga RM485.90.

